

04/12/1999

Exco baru Selangor angkat sumpah

Minarni Mat Saad

KLANG, Jumaat - Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar dan 10 Exco kerajaan negeri termasuk empat muka baru mengangkat sumpah di hadapan Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah di Istana Alam Shah di sini, hari ini.

Mereka ialah Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad yang turut dilantik sebagai Timbalan Menteri Besar, Datuk Tang See Hang, Datuk Ch'ng Toh Eng, Datuk Abdul Fatah Iskandar, Datuk K Sivalingam dan Datuk Mohd Sharif Jajang.

Empat muka baru Exco yang dilantik ialah, Datuk Mohd Mokhtar Dahalan, Datuk Raja Ideris Raja Ahmad, Norkhaila Jamaluddin dan Lum Weng Keong.

Sebelum itu Tengku Idris Shah menyampaikan watakah pelantikan kepada Abu Hassan dan barisan Exco negeri pada istiadat itu yang diadakan di Balai Rongseri.

Ini kali kedua pelantikan Timbalan Menteri Besar dilakukan untuk meringankan beban kerja Menteri Besar. Pelantikan pertama ialah bekas Adun Batu Tiga Datuk Abu Sujak Mahmud pada tahun 1989 hingga 1995. Selepas pilihan raya 1995 jawatan itu tidak diisi.

Istiadat itu disaksikan oleh Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Shah Alam, Datuk Wira Mohamed Noor Ahmad.

Turut hadir ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Ambrin Buang, pegawai kewangan negeri Datuk Abdul Aziz Yusof dan pegawai undang-undang negeri Mohamed Zawawi Salleh. Mereka juga adalah ex-officio exco kerajaan negeri.

Sementara itu, menurut Abu Hassan senarai portfolio Exco akan diumumkan Rabu ini selepas beliau mempengerusikan mesyuarat pertama Exco di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, kira-kira jam 1 tengah hari.

Menurutnya, ada beberapa pertukaran portfolio dilakukan tetapi tiada pertambahan jawatankuasa tetap.

Menurutnya, beliau masih memikirkan jawatan yang sesuai untuk setiap ahli Exco dan berharap mereka dapat menjalankan tugas dengan baik dan komited.

"Saya juga akan menerangkan kepada Exco yang dilantik mengenai tanggungjawab masing-masing dan menekankan kepada perkara tertentu terutama dalam membangunkan Selangor menuju matlamat negeri maju menjelang tahun 2005," katanya.

Abu Hassan berkata, beliau gembira kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju dengan cadangan barisan Exco yang disenaraikan, termasuk pelantikan Dr Zainal sebagai Timbalan Menteri Besar.

Menurutnya, walaupun ada pelantikan Exco baru bagi menggantikan Exco yang tidak disenaraikan, bertukar ke kerusi Parlimen serta kalah dalam pilihan raya umum lalu, kerajaan negeri masih mengekalkan kuota tujuh Exco dari Umno, termasuk seorang wanita manakala yang lain adalah dua dari MCA, satu dari MIC dan satu dari Gerakan.

"Kita juga mewujudkan semula jawatan Timbalan Menteri Besar bagi membantu saya menjalankan tugas pentadbiran negeri.

"Sebagai sebuah negeri yang paling maju di Malaysia dan mahu melihat Selangor mencapai matlamat negeri maju pada 2005, maka kita mahu semua kerja dibereskan dengan cepat dan efisien.

"Timbalan Menteri Besar diperlukan bukan sahaja untuk membantu menguruskan hal politik dan pentadbiran tetapi pembangunan negeri," katanya.

Menurutnya, beliau yakin gabungan baru dan lama dalam barisan Exco Selangor akan memantapkan lagi pentadbiran negeri seterusnya menggerakkan

Selangor mencapai sasarannya.

"Saya juga berbangga kerana kita dapat menyenaraikan barisan Exco dan melangsungkan majlis pengurniaan watakah serta mengangkat sumpah dengan cepat kerana di negeri lain hanya kerajaan yang dikuasai pembangkang sahaja berbuat demikian," katanya.

Sementara itu, katanya, majlis mengangkat sumpah bagi Adun, Speaker dan Timbalan Speaker akan berlangsung Isnin ini manakala sidang DUN bagi membincangkan Belanjawan Selangor 2000 bermula dari 21 hingga 24 Disember ini.

(END)